



SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH PEMULIHARAAN BIODIVERSITI SERANTAU

Malaysia terus memperkukuhkan usaha dan komitmennya dalam pemuliharaan biodiversiti serantau dengan pencalonan tiga kawasan perlindungan sebagai Tapak Warisan ASEAN (ASEAN Heritage Parks – AHP) dalam Mesyuarat Lembaga Pemimpin Pusat Biodiversiti ASEAN ke-27 (GB ACB).

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Dasar, Perancangan dan Hal Ehwal Antarabangsa Filipina, Jonas R. Leones selaku Pengerusi, ACB GB dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) S. Siva Kumar,) merangkap Timbalan Pengerusi GB ACB.

Mesyuarat telah memutuskan tiga (3) tapak dicalonkan sebagai Tapak AHP iaitu Rezab Hidupan Liar Tengku Hassanal, Pahang; Taman Negara Bako dan Taman Negara Bukit Lambir, Sarawak. Malah, mesyuarat turut bersetuju dengan pencalonan tiga (3) tapak baharu di Vietnam, iaitu Xuan Thuy National Park, Pu Mat National Park dan Dong Nai Culture and Nature Reserve.

Selain itu, pelancaran “Enhancing Conservation and Restoration of Wetlands and Peatlands in ASEAN” (EnCORE Wetlands) telah diperkenalkan secara rasmi dengan Taman Negara Maludam, Sarawak dipilih sebagai tapak perintis Malaysia bersama-sama dengan Agusan Marsh Wildlife Sanctuary di Filipina.

Mesyuarat juga menyambut baik penggubalan Pelan Kepelbagaian Biologi ASEAN (ASEAN Biodiversity Plan – ABP) 2024–2030 yang diselaraskan dengan Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KM-GBF).

Pusat Biodiversiti ASEAN (ASEAN Centre for Biodiversity - ACB) telah menganjurkan Mesyuarat ACB GB hari ini di Langkawi bagi memperkukuh inisiatif biodiversiti serantau serta memuktamadkan persiapan penyertaan ASEAN ke Sidang COP 17 Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) yang bakal berlangsung di Yerevan, Armenia pada tahun 2026.

Antara agenda utama mesyuarat yang dihoskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ini adalah penyelarasan pelan tindakan bagi pembangunan Kenyataan Bersama ASEAN (AJS) mengenai Biodiversiti, yang bakal mencerminkan keutamaan serantau dan akan disampaikan oleh Pengerusi ASEAN 2026 (Filipina) semasa segmen peringkat tinggi di COP 17. Proses pembangunan AJS melibatkan siri perundingan bersama negara-negara anggota ASEAN dan dijangka dimuktamadkan pada pertengahan 2026.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
28 JULAI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia